

Rasuah: Pegawai penempatan dipenjara, denda RM460,000

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

IPOH 30 Nov. - Pegawai Penempatan di Pejabat Tanah Perak Tengah, Mohd. Yusof Ishak hari ini dihukum penjara dua tahun dan denda RM460,000 oleh Mahkamah Tinggi di sini selepas didapati bersalah atas tiga tuduhan pindaan menerima rasuah berjumlah RM92,000 pada 1999.

Hakim Datuk V. T. Singham memerintahkan hukuman penjara ke atas Mohd. Yusof, 45, dijalankan serentak iaitu dua tahun bagi ketiga-tiga tuduhan pindaan dan lima kali ganda nilai suapan bagi kesemua pertuduhan rasuah ke atasnya.

Um 1/12
Beliau juga memutuskan bahawa responden akan dihukum penjara 18 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Keputusan itu dibuat selepas beliau mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen Teluk Intan pada 12 April tahun lalu yang melepas dan membebaskan Mohd. Yusof daripada tiga tuduhan asal menerima rasuah melibatkan RM89,000.

Dalam pertuduhan pindaan pertama bagi pertuduhan tambahan, Mohd. Yusof secara rasuah menerima suapan berjumlah RM32,000 daripada Loh Ah Oh yang berupa wang tunai RM2,000 dan tiga keping cek masing-masing bernilai RM10,000.

Responden dituduh melakukan perbuatan itu pada 23 April 1999 di Lot 4143, Simpang Empat, Kampung Gajah,

dekat sini.

Dalam pertuduhan pindaan bagi pertuduhan kedua, Mohd. Yusof dituduh menerima sekeping cek bernilai RM38,000 bertarikh 15 Jun 1999 daripada pengadu yang sama di Jalan Changkat Jong, Teluk Intan.

Pada pertuduhan pindaan bagi tuduhan ketiga, responden didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM22,000 juga di Jalan Changkat Jong, Teluk Intan, keesokan harinya.

Responden didakwa menerima kesemua suapan tersebut untuk dirinya sendiri dan bagi pihak Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah untuk membolehkan Syarikat Pelita Semarak mendapatkan tanah di Chen-derung Kelubi, Perak Tengah.